

UniMAP Tuan Rumah Bengkel dan Mesyuarat MATDUM 2008

Universiti Malaysia Perlis telah dipilih sebagai Tuan Rumah bagi Bengkel dan Mesyuarat Majlis Tatatertib Pelajar Dan Disiplin Universiti Malaysia (MATDUM) Kali Kedua yang bermula pada 5 hingga 7 Mei 2008. Sempena meraikan delegasi tersebut, satu majlis makan malam telah diadakan di Hotel Putra Palace pada 5 Mei 2008 lalu. Ia dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP, Y.Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff yang mewakili Y.Bhg. Naib Canselor UniMAP. Dalam ucapannya, Prof. Dr. Ali Yeon berharap dengan terlaksananya bengkel tersebut, ia akan dapat mengemaskini lagi sistem perundungan pelajar dan sekaligus dapat meletakkan nama universiti di negara ini sebaris dengan universiti-universiti ternama di luar negara. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi MATDUM, yang juga Timbalan Rektor HEPA Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Y.Bhg. Hamidon Abd Hamid, Timbalan Naib Canselor HEPA Universiti Perguruan Sultan Idris, Prof. Dr. Shaharudin Abd Aziz , Pegawai-pegawai utama universiti, Ketua-ketua Jabatan UniMAP serta semua delegasi mesyuarat MATDUM.

